

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.03.2015**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah dan kaedah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang diunjurkan akan menurun pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Tanjung

Malim pada 11 Mac 2015 bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya pada 12 Mac 2015 kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia serta kelembapan ekonomi global dan serantau boleh memberi kesan kepada ekonomi negara. Namun demikian, kejatuhan harga minyak tidak memberi impak yang begitu ketara kepada negara kita, memandangkan struktur ekonomi negara yang kini lebih pelbagai disokong oleh peningkatan daya tahan dan daya saing serta asas-asas ekonomi yang kukuh. Pengiktirafan sesuatu krisis bagi sesebuah negara bukan hanya ditentukan oleh harga minyak sahaja, tetapi perlu dilihat dari sudut pertumbuhan ekonomi domestik, terutamanya aktiviti pelaburan, kadar pengangguran serta penggunaan swasta.

3. Perangkaan terkini menunjukkan prestasi ekonomi negara terus

berkembang kukuh meskipun berhadapan dengan kejatuhan harga minyak yang ketara pada suku keempat 2014. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 6 peratus pada tahun 2014 (2013: 4.7%). Manakala pertumbuhan KDNK sebanyak 5.8% pada suku keempat 2014 (S3 2014: 5.6%) dipacu oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik. Pelaburan swasta pada harga semasa mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.5 peratus (S3 2014: 9.1%) kepada RM36.8 bilion. Sementara itu, pelaburan langsung asing terus mencatat aliran masuk bersih yang menggalakkan sebanyak RM10.2 bilion (S3 2014: RM7.2 bilion). Penggunaan swasta turut berkembang kukuh pada kadar 7.8 peratus (S3 2014: 6.7%) didorong oleh pendapatan boleh guna yang tinggi berikutan pasaran buruh yang stabil. Dengan itu, jelas bahawa kejatuhan harga minyak tidak menjejaskan sektor benar ekonomi, justeru menunjukkan ekonomi negara tidak menghadapi satu krisis, cuma persekitaran yang lebih mencabar.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bank Dunia mengunjurkan bahawa harga minyak mentah yang rendah akan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi global. Malah, penurunan harga minyak sebanyak 30 peratus dapat meningkatkan pertumbuhan KDNK global sehingga 0.5 peratus. Sebagai pengimport bersih minyak mentah dan produk petroleum sudah tentu negara kita mendapat manfaat daripada kejatuhan harga minyak mentah dunia ini. Walau bagaimanapun, kejatuhan harga minyak yang berlarutan akan memberi impak kepada ekonomi global dan seterusnya memberi kesan yang negatif kepada perdagangan luar Malaysia.

5. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi mengawal kedudukan kewangan negara berikutan penurunan harga minyak mentah yang mendadak. Ini dilakukan bagi memastikan ekonomi terus berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh serta kedudukan kewangan negara yang mapan. Antara langkah tersebut termasuk:

- a. Mempromosikan perkhidmatan gantian-import seperti perkhidmatan perkapalan, pelabuhan, pendidikan dan profesional secara aktif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar;
- b. Pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara disegerakan;

- c. Menaik taraf Terminal keretapi Padang Besar dan menambah baik kecekapan proses import dan eksport;
- d. Menubuhkan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan berjumlah RM5 bilion untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perkhidmatan;
- e. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Pelaburan (GLIC) digalakkan melabur dalam negara;
- f. Perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, penganjuran majlis dan mesyuarat serta perkhidmatan profesional dioptimumkan;
- g. Mengkaji semula pemberian geran kepada badan berkanun persekutuan, GLC serta Tabung Amanah Kerajaan yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab tinggi;
- h. Menjadualkan semula pembelian aset tidak kritikal, terutamanya peralatan pejabat, perisian dan kenderaan; dan
- i. Mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui penurunan tarif elektrik bermula 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015; dan penangguhan cadangan kenaikan harga gas bagi sektor industri pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Di dalam penstrukturan semula Bajet 2015 ini, perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan sebanyak RM48.5 bilion adalah tidak berubah dan akan tetap dibelanjakan. Manakala perbelanjaan mengurus akan dikurangkan sebanyak RM5.5 bilion dengan mengutamakan perbelanjaan yang diperlukan sahaja. Dengan langkah proaktif ini, KDNK negara diunjur berkembang antara 4.5 hingga 5.5 peratus pada tahun 2015.

8. Kerajaan akan terus memantau dengan rapi perkembangan luaran termasuk harga minyak mentah dan kesan terhadap ekonomi negara. Ini bagi membolehkan Kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan pertumbuhan ekonomi terus mapan di samping menjamin kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas.